

Kebertanggungjawaban, integriti tonggak kerajaan bebas rasuah

Kerajaan komited
laksana pelbagai
reformasi jadikan
negara lebih
berdaya saing

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebertanggungjawaban dan integriti perlu kekal sebagai tonggak utama kepada sebuah kerajaan jika benar-benar mahu memastikan negara bebas daripada penyelewengan

serta rasuah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berpegang kepada prinsip itu, Perdana Menteri berkata, Kerajaan MADANI yang diterajuiya melaksanakan pelbagai reformasi yang berani, dengan matlamat membawa Malaysia mencapai negara berstatus berpendapatan tinggi dan membina antara satu ekonomi yang paling berdaya saing di dunia.

Beliau berkata, pelaksanaan audit dan audit dalaman adalah keperluan utama dalam pentadbiran dan ia perlu dilaksanakan dengan berkesan untuk menangani masalah seperti ketirisan, keterlanjuran, rasuah dan isu berkaitan tatakelola.

"Justeru, saya memberikan ru-

ang seluas mungkin kepada Jabatan Audit Negara supaya jentera kerajaan diawasi, dipantau dari dekat dan ini harus mendapatkan kerjasama sepenuhnya dengan Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan syarikat swasta.

"Kita bicara mengenai perlunya kita pacu pertumbuhan tetapi dalam mana-mana negara, dengan kekuatan ekonomi, tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah jika dibiarkan dengan keterlanjuran dari segi ketirisan dan rasuah serta penyelewengan yang terus berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap tama pada Persidangan Konfederasi Asia Institut Juruaudit Dalaman

(ACIIA) 2025, di sini semalam.

Persidangan Konfederasi ACIIA 2025, yang dianjurkan semula di Malaysia selepas tujuh tahun, dihadiri hampir 1,500 profesional tadbir urus dari 26 negara.

Yang turut hadir, Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi; Presiden ACIIA, Manoj Agarwal dan Presiden Institut Juruaudit Dalaman (IIA) Malaysia, Suhailah Mohamed Abdulla.

Tiada integriti punca ketirisan

Perdana Menteri berkata, beberapa kes berprofil tinggi seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah antara contoh bagaimana penyelewengan boleh berlaku dengan pembabitan ju-

ruaudit, juruaudit dalaman dan institusi kewangan antarabangsa.

Katanya, jenayah seumpama itu berlaku disebabkan kurangnya sikap integriti dan bersubahat dengan penyelewengan, hanya kerana rasa tamak.

"Justeru, kita perlu memahami apakah yang dimaksudkan dengan pengawasan sistem. Keperluan untuk bertindak dengan penuh ketelusan, kebertanggungjawab dan kepercayaan adalah sangat penting.

"Ini adalah asas yang membolehkan sesebuah institusi kekal utuh, terutama apabila berdepan ujian. Isu semak dan imbang bukan satu pilihan tetapi keperluan," katanya.